

Headline	33 tarik diri tunai haji		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	24 Mar 2016	Circulation	279,000
Section	Nasional	Readership	837,000
Page No	8	ArticleSize	241 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 3,525
Journalist	SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR	PR Value	RM 10,574
Frequency	Daily		



33 tarik diri tunai haji

■ SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR

BANGI - Seramai 33 orang pendeposit Tabung Haji (TH) yang mendaftar menuaikan haji menarik diri kerana perasaan dengan persepsi tidak benar terhadap institusi itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, daripada jumlah itu, empat daripadanya hanya perlu menunggu empat tahun sebelum tiba giliran menuaikan haji.

"Ada tarik diri kerana yakin TH tak mampu tampung pergi haji dan bakal bankrap. Malah ada nak minta duit kembali.

"Semalam (kelmarin) saya bermesyuarat dengan TH dan mereka maklum tempoh menunggu untuk pergi haji jika daftar sekarang ialah 82 tahun. Jadi inilah contoh persepsi dan keganasannya," katanya ketika menjadi ahli panel dalam Bicara Persada bertajuk Keganasan Persepsi: Cabaran Terhadap Perpaduan Ummah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), semalam.

Turut serta, Ketua Penerangan Dewan Ulama



Jamil Khir (dua, kiri) dan ahli panel lain semasa program Bicara Persada, semalam.

Pas, Datuk Dr Khairuddin Aman Razali, Setiausaha Majlis Perundingan Melayu, Datuk Dr Hasan Mad, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM, Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal dan Presiden Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan, Farhan Khairudin.

Manakala, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global, Nasharudin Mat Isa bertindak sebagai moderator.

Menurutnya, TH menjadi mangsa persepsi dan fit-

nah sehingga menjelaskan kepercayaan pendepositi.

"Dalam kes TH telah dibina satu persepsi kononnya TH berdepan masalah kewangan yang meruncing. Aset TH dikatakan tidak mencukupi untuk bayar pendeposit."

"Maka timbul beberapa persepsi dan disebarluaskan melalui media baru. Akhirnya masyarakat percaya sehingga ada yang tanya kepada saya kenapa tak beri penjelasan. Saya cakap kita dah buat penjelasan, cuma tak payah jelaskan banyak, tunggu bukti minggu depan saya akan

umumkan perkiraan aset kita lebih RM60 bilion dan liabiliti RM59 bilion," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, rakyat perlu menyemak kesahihan sesuatu maklumat sebelum menyebarkannya.

"Ini tidak, ada yang 'like' dulu (maklumat di laman sosial). Orang yang sebarkan maklumat itu pula suka bila dapat banyak 'like'."

"Esok dia nak tulis lagi dan terus cari (maklumat yang tak benar). Kalau itu caranya, bagaimana kita nak capai perpaduan yang kita harapkan?", katanya.